

# ESTINOR TABLET

Levonorgestrel 0.75mg

## Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan ESTINOR
2. Bagaimana ESTINOR berfungsi
3. Sebelum menggunakan ESTINOR
4. Cara menggunakan ESTINOR
5. Semasa menggunakan ESTINOR
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ESTINOR
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RIMUP

## Apakah kegunaan ESTINOR

ESTINOR merupakan pil perancang kecemasan sahaja. ESTINOR tidak bertujuan sebagai kaedah tetap kontrasepsi.

## Bagaimana ESTINOR berfungsi

ESTINOR mengandungi bahan aktif yang dinamakan levonorgestrel. Levonorgestrel mengurangkan peluang kehamilan dengan menghalang ovulasi.

## Sebelum menggunakan ESTINOR

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ESTINOR jika anda alah terhadap:

- levonorgestrel, bahan aktif dalam ESTINOR
- sebarang kandungan yang disenaraikan di hujung risalah ini

Jangan mengambil ubat ini

- jika anda hamil
- jika anda menghidapi atau pernah menghidapi penyakit hati yang serius
- jika anda mempunyai kanser payudara

- Sebelum menggunakan ESTINOR

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai alahan terhadap sebarang ubat lain, makanan atau pengawet.

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan yang berikut:

- anda mempunyai kencing manis
- anda mempunyai tekanan darah tinggi
- anda mempunyai penyakit hati atau tumor hati
- anda mempunyai pigmentasi tompok coklat kekuningan pada kulit, terutama muka; jika berlaku, elakkan terlalu banyak pendedahan kepada matahari atau sinaran ultraungu.

Jika anda mengalami mana-mana keadaan yang disenaraikan di bawah, anda mungkin tidak sesuai untuk mengambil ESTINOR

- Anda mempunyai penyakit saluran pemakanan (seperti penyakit Crohn) yang menjejaskan penghadaman dan penyerapan makanan
- Anda muntah atau mempunyai cirit-birit yang teruk

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuklah sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi daripada farmasi, pasaraya atau kedai makanan kesihatan.

Wanita yang telah mengambil ubat pemangkin enzim semasa 4 minggu terakhir dan perlukan pil pencegah kecemasan adalah disyorkan menggunakan kaedah pencegah kehamilan tanpa hormone seperti Cu-IUD atau dos dua kali ganda of levonorgestrel (tidak melebihi 4 tablet sebulan dalam 2 hingga 4 kali) untuk wanita yang tidak dapat atau enggan menggunakan Cu-IUD.

Sesetengah ubat dan ESTINOR boleh bertindak balas satu sama lain.

Ini termasuklah:

- ubat yang digunakan untuk merawat epilepsi (contohnya, barbiturate, primidone, phenytoin dan carbamazepine)
- ubat yang digunakan untuk merawat tuberkulosis (seperti rifampicin, rifabutin)
- rawatan jangkitan HIV (ritonavir, efavirenz)
- ramuan herba yang mengandungi St John's wort (*Hypericum perforatum*)
- Ubat untuk jangkitan kulat (griseofulvin)

Doktor dan ahli farmasi anda mempunyai maklumat yang lebih banyak tentang ubat yang perlu diberi perhatian atau dielakkan semasa mengambil ubat ini.

**Cara menggunakan ESTINOR**

- Berapa banyak harus digunakan

Ambil satu biji selepas hubungan seksual yang pertama.

Jika hubungan seksual diulang beberapa kali, ambil satu biji selepas hubungan seksual yang pertama dan ubat yang kedua diambil selepas 8 jam. Dalam kes ini, 2 biji ubat diambil.

- Bila perlu digunakan

Ambil ESTINOR seperti yang diarahkan.

Ubat ini lebih berkesan jika anda mengambil ubat ini lebih awal.

- Berapa lama perlu digunakan

Jangan mengambil melebihi 4 biji dalam satu bulan.

- Jika terlupa menggunakan

Keberkesanan Pil ESTINOR akan dikurangkan jika anda terlupa mengambil ubat seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi anda jika anda terlupa mengambil ubat kedua.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau orang lain mungkin terlebih mengambil ESTINOR, hubungi doktor anda untuk mendapatkan nasihat atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera.

Ini mesti dilakukan walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan.

Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan dengan segera.

Beberapa simptom-simptom terlebih dos termasuklah rasa loya dan pendarahan.

**Semasa menggunakan ESTINOR**

- Perkara yang perlu dilakukan

Jika haid anda tidak datang dalam tempoh 3 minggu selepas mengambil ubat ini, anda mestilah jumpa doktor kerana anda mungkin hamil.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan beri ubat anda kepada orang lain.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati apabila memandu atau mengendalikan mesin sehingga anda tahu bagaimana ESTINOR mempengaruhi anda.

**Kesan-kesan sampingan**

Semua ubat boleh membawa kesan sampingan. Kadang kala kesan sampingan ini serius, tetapi selalunya tidak. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan jika anda mengalami sesetengah kesan sampingan.

Jangan khuatir dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak mengalami sebarang kesan sampingan tersebut.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sebarang persoalan.

Kesan sampingan lain yang pernah dilaporkan di kalangan pengguna ESTINOR adalah:

- loya
- muntah
- keletihan
- sakit perut
- cirit-birit
- pening
- payu dara tegang

Ini adalah kesan sampingan yang biasa.

Beritahu doktor anda jika anda mendapati apa-apa yang membuatkan anda rasa tidak sihat. Kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas mungkin berlaku di kalangan sesetengah pesakit.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (Public->Reporting Medicinal Problems/ Side Effects/ AEFI/ Vaccine Safety).

**Cara penyimpanan dan pelupusan ESTINOR**

- Penyimpanan

Simpan ubat anda di tempat suhu bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

Jangan simpan ESTINOR atau ubat lain dalam bilik mandi atau dekat sinki.

Jangan tinggalkan ubat di dalam kereta atau atas unjuran tapak tingkap.

Haba dan kelembapan boleh merosakkan sesetengah ubat.

Simpan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- Pelupusan

Jika doktor anda mengarahkan anda berhenti mengambil ESTINOR atau ubat ini sudah melepasi tarikh luputnya, sila tanya ahli farmasi anda apa yang patut dilakukan dengan sebarang ubat yang tinggal.

**Maklumat lanjut**

- Rupa dan warna produk

ESTINOR berbentuk bulat, berdiameter 7mm, berwarna hijau dengan tanda 'DUO 861' dan 'bunga'.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

- Levonorgestrel

Bahan tidak aktif:

- Promigel
- Pewarna biru
- Laktosa
- Aerosil
- Pewarna kuning
- Tepung jagung
- Magnesium stearate

- Nombor MAL  
MAL19900045AZ

**Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk**

DUOPHARMA (M) SDN. BHD. (42491-M)  
Lot. 2599, Jalan Seruling 59,  
Kawasan 3, Taman Klang Jaya,  
41200 Klang, Selangor Darul  
Ehsan, Malaysia.

**Tarikh kemaskini RIMUP**  
15/05/2018